



# PETA KONSEP

TINGKATAN 4

## Pemasyhuran Kemerdekaan

### Pengertian Kemerdekaan

- *Kamus Dewan* – Bebas daripada penjajahan, kurungan atau naungan.
- Merdeka secara umum bererti bebas daripada sebarang cengkaman kuasa asing.
- Bebas menentukan pemerintahan dan hala tuju negara.
- Pandangan tokoh-tokoh berkenaan takrif kemerdekaan perlu diteliti, dijadikan iktibar dan dijawab agar generasi kini terus mempertahankan kemerdekaan yang dicapai.

### Persediaan Menyambut Pemasyhuran Kemerdekaan Negara

#### Jawatankuasa Persediaan Fizikal

- Penonjolan identiti negara diberikan perhatian.
- Pembinaan infrastruktur – Stadium Negara dan Istana Negara.
- Lambang kebangsaan – Lagu kebangsaan, Bendera kebangsaan, Jata Negara dan bunga kebangsaan.

#### Jawatankuasa Sambutan

- Berperanan untuk memeriahkan sambutan pada peringkat ibu kota dan negeri.
- Bangunan di sekitar bandar, jalan raya dan Padang Kelab Selangor dihiasi lampu.
- Pakaian rasmi menteri dan pegawai tinggi disediakan.
- Kerajaan menganjurkan kursus khas berkaitan dengan protokol.
- Semua pegawai dan kakitangan kerajaan diberikan gaji seminggu lebih awal untuk menyambut kemerdekaan.

### Detik Pemasyhuran Kemerdekaan Negara

- Sambutan di Padang Kelab Selangor pada malam 30 Ogos 1957.
- Peristiwa bersejarah di Stadium Merdeka pada pagi 31 Ogos 1957.

### Kesan Kemerdekaan Terhadap Negara Kita

#### Politik

- Pengamalan Sistem Raja Berperlembagaan
- Demokrasi Berparlimen
- Pentadbiran negara
- Cabaran Kerajaan Persekutuan

#### Politik antarabangsa

- Dasar luar
- Menganggotai Komanwel
- Pertahanan negara
- Penyertaan dalam Blok Sterling
- Diiktiraf Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)

#### Ekonomi

- Rancangan Malaya Pertama
- FELDA
- Institusi Kewangan
- Pembangunan Luar Bandar
- Rancangan Buku Merah

#### Sosial

- Pendidikan
- Penubuhan Dewan Bahasa dan Pustaka
- Jabatan Penerangan
- Kesihatan
- Kemudahan asas

### Prinsip Kedaulatan Persekutuan Tanah Melayu

- Wilayah pengaruh
- Kerajaan
- Kedaulatan undang-undang

- Lambang kebangsaan
- Pengiktirafan sebagai rakyat